

# HIKMAH MENUTUP AURAT DALAM PERSPEKTIF ISLAM: SOROTAN LITERATUR

***THE WISDOM OF COVERING THE AURAH FROM THE ISLAMIC  
PERSPECTIVE: A LITERATURE REVIEW***

**Jazli Zakwan Ahmad Taha<sup>1</sup>**  
**Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain<sup>2</sup>**

<sup>1</sup>Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia, (E-mail: jazlizakwan@graduate.utm.my)

<sup>2</sup>Islamic Civilization Academy, Faculty of Social Sciences & Humanities Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Malaysia, (E-mail: muhammadtalhah.j@utm.my)

---

## Article history

**Received date** : 23-5-2025  
**Revised date** : 24-5-2025  
**Accepted date** : 18-6-2025  
**Published date** : 30-6-2025

## To cite this document:

Ahmad Taha, J. Z., & Ajmain @ Jima'ain, M. T. (2025). Hikmah menutup aurat dalam perspektif Islam: Sorotan literatur. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 10 (73), 533 - 547.

---

**Abstrak:** Menutup aurat merupakan salah satu kewajipan utama bagi umat Islam yang ditegaskan dalam Al-Quran dan As-Sunnah. Isu aurat dalam kalangan orang Islam sering berpunca daripada pengaruh fesyen, media sosial dan norma budaya yang bertentangan dengan ajaran agama. Ramai yang kurang kefahaman mendalam tentang kepentingan menutup aurat kerana kurang pendedahan agama sejak kecil. Ada juga yang merasa malu atau tidak yakin untuk menutup aurat sepenuhnya akibat tekanan rakan sebaya atau persekitaran. Tidak menjaga aurat boleh memberi kesan kepada maruah diri dan membuka ruang kepada fitnah serta gangguan. Kajian ini bertujuan untuk memahami konsep aurat, kewajipan menutup aurat serta batasan aurat bagi lelaki dan perempuan menurut perspektif Islam. Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan tumpuan kepada kaedah kepustakaan dan pendokumentasian. Data diperoleh melalui analisis sumber-sumber bertulis seperti buku, jurnal, artikel ilmiah serta dokumen berkaitan bagi memahami isu yang dikaji secara mendalam. Sorotan kajian ini juga meneliti pelbagai isu berkaitan pemakaian dalam kalangan umat Islam yang semakin mencabar dengan perkembangan fesyen dan budaya globalisasi. Berdasarkan analisis literatur, kewajipan menutup aurat bukan sekadar aspek pemakaian, tetapi berkaitan dengan nilai kesopanan dan penghormatan terhadap maruah individu. Kajian ini diharap dapat memberikan pemahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat tentang kepentingan menutup aurat dalam kehidupan seharian

**Kata Kunci:** Aurat, Pemakaian Islam, Syariat, Kesopanan, Maruah

**Abstract:** Covering the aurah is one of the primary obligations for Muslims as emphasized in the Qur'an and Sunnah. Issues related to aurah among Muslims often stem from the influence of fashion, social media, and cultural norms that contradict religious teachings. Many lack a deep understanding of the importance of covering the aurah due to insufficient religious exposure from a young age. Some also feel embarrassed or lack the confidence to fully observe

*aurah due to peer pressure or environmental influences. Neglecting to cover the aurah can affect one's dignity and open the door to slander and harassment. This study aims to understand the concept of aurah, the obligation to cover it, and the specific boundaries of aurah for both men and women from an Islamic perspective. The methodology of this study adopts a qualitative approach, focusing on literature review and documentation methods. Data were obtained through the analysis of written sources such as books, journals, academic articles, and related documents to gain an in-depth understanding of the issue. This literature review also examines various challenges related to Muslim attire, especially amidst the growing influence of fashion trends and globalization. Based on the literature analysis, the obligation to cover the aurah is not merely about clothing, but also relates to values of modesty and respect for personal dignity. It is hoped that this study will provide the public with a deeper understanding of the importance of covering the aurah in daily life.*

**Keywords:** Aurah, Islamic Clothing, Sharia, Modesty, Dignity

## Pendahuluan

Allah SWT sangatlah Maha Pemurah kerana memberi setiap daripada manusia merasai keindahan dan kebahagiaan yang tersendiri. Walaubagaimapun, terdapat juga manusia yang kufur dengan nikmat yang diberi oleh Allah SWT dengan tidak menepati atau mengikut syariat yang ditentukan oleh-Nya. Syariat yang sering kali dianggap remeh terutama kepada golongan perempuan adalah aurat. Perkara aurat menjadi antara sebab ramai golongan perempuan terjerumus menjadi ahli neraka selain daripada tidak menjaga percakapan. Sebagaimana Rasulullah SAW bersabda :

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ، حَدَّثَنَا سَلْمَٰنْ بْنُ زَيْرٍ، حَدَّثَنَا أَبُو رَجَاءٍ، عَنْ عُمَرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " اطْلَعْتُ فِي الْجَنَّةِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا الْفُقَرَاءُ، وَاطْلَعْتُ فِي النَّارِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا النِّسَاءَ "

Maksudnya: “Aku melihat ke dalam Syurga maka aku melihat kebanyakan penghuninya adalah fuqara’ (orang-orang fakir) dan aku melihat ke dalam Neraka maka aku menyaksikan kebanyakan penghuninya adalah perempuan.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari, 3241)

Melalui hadis tersebut, didapati perempuan ramai yang tergolong menjadi ahli neraka, akan tetapi tidak menjadi pelepasan pula bagi golongan lelaki melakukan perkara dosa berleluasa. Golongan lelaki juga manusia dan perlu menutup dan menjaga aurat mereka sama seperti perempuan dari segi perhukuman. Kewajipan untuk menutup aurat wajar menjadi prioriti umat Islam pada zaman kini kerana dalam Al-Quran telah lama disebut tentang kewajipannya. Firman Allah SWT :

يَسِّيْهِ اَدَمَ قَدْ اَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِيَاسًا يُؤْوِرِيْ سَوْءَاتِكُمْ وَرِيشًا وَلِيَاشُ التَّقْوَىْ ذَلِكَ حَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ اِيْتِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَكَّرُوْنَ

Maksudnya : “Wahai anak cucu Adam! Sesungguhnya Kami telah menyediakan pakaian untuk menutupi auratmu dan untuk perhiasan bagimu. Tetapi pakaian taqwa, itulah yang lebih baik. Demikianlah sebagian tanda-tanda kekuasaan Allah, mudah-mudahan mereka ingat.”

(al-a’raf 7 : 26)

Allah SWT telah menyebut dalam ayat tersebut yang boleh difahami dengan jelas bahawa tutup dan jagalah aurat mengikut pemakaian orang yang bertaqwa kerana itulah sebaik-baik pakaian. Namun begitu, walaupun kewajipan menutup aurat telah diperjelaskan dalam al-Quran dan hadis, realitinya masih terdapat cabaran dalam kalangan umat Islam, khususnya dalam kalangan pelajar universiti dalam menghayati dan melaksanakan perintah ini secara menyeluruh.

### Pernyataan Masalah

Walaupun menutup aurat merupakan kewajipan yang jelas dalam Islam berdasarkan nas-nas al-Quran dan al-Sunnah, realiti semasa menunjukkan bahawa amalan tersebut masih belum dihayati sepenuhnya khususnya dalam kalangan pelajar institusi pengajian tinggi (IPT) di Malaysia. Kajian Asmawati et al. (2013) menunjukkan bahawa sebilangan pelajar hanya menutup aurat dalam keadaan tertentu seperti ketika menghadiri kuliah atau program keagamaan tetapi tidak konsisten dalam kehidupan harian. Tambahan pula, sebahagian pelajar menjadikan penutupan aurat sekadar satu gaya berpakaian atau simbol identiti tanpa penghayatan terhadap nilai dan hukum syarak (Aminah Ali, 2005).

Tinjauan oleh Suhid et al. (2013) dalam kalangan pelajar IPT mendapati bahawa hanya 38.5% responden benar-benar memahami konsep aurat menurut syarak, manakala selebihnya menunjukkan tahap kefahaman yang cetek atau keliru terhadap batas aurat yang sebenar. Ini menyumbang kepada fenomena pelajar wanita yang memakai tudung tetapi masih berpakaian ketat, jarang dan tidak menepati ciri kesopanan yang dituntut dalam Islam. Kefahaman yang bersifat luaran ini menunjukkan berlakunya pemisahan antara ilmu dan penghayatan nilai spiritual.

Pengaruh budaya Barat, media sosial dan arus fesyen global turut menjadi faktor utama yang merosakkan pemahaman tentang aurat. Kajian Musa dan Razak (2022) mendapati bahawa lebih 70% pelajar wanita Muslim mengakui terpengaruh dengan trend berpakaian selebriti dan influencer yang mereka ikuti di media sosial walaupun menyedari ia tidak selaras dengan ajaran Islam. Fesyen yang menekankan nilai estetika berbanding nilai kesopanan telah menimbulkan dilema identiti dalam kalangan remaja Muslim.

Lebih membimbangkan, kegagalan memahami dan mengamalkan etika berpakaian Islam turut memberi implikasi sosial yang serius. Statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan bahawa sebanyak 5,864 kes jenayah seksual dilaporkan sepanjang tahun 2023 dengan lebih 60% melibatkan remaja berusia antara 13 hingga 25 tahun (Berita Harian, 2023). Walaupun jenayah tidak boleh disandarkan sepenuhnya kepada penampilan mangsa, namun pemakaian yang menjolok mata dan tidak menutup aurat berpotensi mengundang perhatian tidak sihat serta mendedahkan individu kepada risiko gangguan sosial.

Namun begitu, terdapat kekurangan dalam kajian-kajian semasa yang memberi tumpuan kepada hikmah dan nilai spiritual di sebalik kewajipan menutup aurat khususnya dari sudut kesedaran kendiri pelajar terhadap maruah diri, taqwa dan tanggungjawab sosial. Banyak kajian

terdahulu lebih menumpukan aspek hukum dan pematuhan teknikal tanpa mengaitkannya secara mendalam dengan falsafah, hikmah dan pendidikan akhlak.

Justeru, kajian ini berhasrat untuk mengisi jurang tersebut dengan meneliti secara menyeluruh hikmah menutup aurat menurut perspektif Islam serta mencadangkan pendekatan nilai yang boleh menyuburkan kefahaman dan penghayatan pelajar universiti. Kajian ini diharap dapat menyumbang kepada pendidikan Islam yang lebih seimbang yakni bukan hanya dari segi hukum, tetapi juga dari sudut pembangunan sahsiah, spiritual dan kestabilan sosial.

### Metodologi Kajian

Kaedah analisis kualitatif berbentuk kepustakaan menjadi pendekatan utama dalam kajian ini. Sumber data terdiri daripada rujukan primer dan sekunder merangkumi jurnal akademik, buku ilmiah, artikel seminar serta laporan penyelidikan yang relevan dengan topik. Pemilihan sumber dilaksanakan secara sistematik agar kesahihan dan kesesuaian bahan rujukan selaras dengan objektif kajian.

Carian literatur dilakukan melalui pangkalan data dalam talian seperti Google Scholar, ResearchGate, MyJurnal dan ScienceDirect. Kata kunci utama yang digunakan termasuklah “aurat wanita dalam Islam”, “hikmah menutup aurat”, “pakaian Muslimah”, “pelajar universiti dan aurat”, serta “pengaruh budaya terhadap aurat”. Penggunaan kata kunci ini bertujuan memperoleh pelbagai perspektif yang merangkumi aspek hukum, psikologi, sosial dan nilai spiritual berkaitan aurat dalam Islam.

Tempoh penerbitan sumber dihadkan antara tahun 2000 hingga 2024. Had masa ini bertujuan memastikan rujukan adalah terkini serta relevan dengan isu semasa berkaitan pemakaian dan pengaruh budaya terhadap pelajar masa kini. Karya klasik seperti tafsir al-Quran, hadis saih dan pendapat ulama muktabar tetap dirujuk sebagai sandaran prinsip syarak dan autoriti keilmuan.

Sumber yang terpilih perlu memenuhi kriteria inklusi seperti perbincangan langsung tentang konsep aurat menurut perspektif Islam, tumpuan terhadap pelajar atau remaja Muslim dan kandungan yang memuatkan dapatan ilmiah atau hujahan bersandarkan kajian. Sumber bersifat pendapat peribadi tanpa sandaran ilmiah, artikel umum tanpa ulasan akademik serta bahan yang tidak menyentuh tema aurat secara langsung dikeluarkan daripada pertimbangan.

Pendekatan ini membolehkan kajian menghimpunkan pandangan pelbagai sudut secara seimbang serta menekankan elemen hikmah menutup aurat yang merangkumi dimensi rohani, sosial dan psikologi secara menyeluruh.

### **Jadual 1: Jadual Ringkas Sumber Literatur**

<b>Bil</b>	<b>Sumber/Penulis</b>	<b>Jenis</b>	<b>Tahun</b>	<b>Penemuan Utama</b>
1	Aminah Ali	Tesis	2005	Pelajar menutup aurat secara luaran tetapi tidak mematuhi syarat syarak sepenuhnya.
2	Asmawati, Rahimi, & Suzana	Jurnal	2013	Penutupan aurat dalam kalangan pelajar bersifat bermusim dan tidak konsisten.
3	Mohd Nor, Ibrahim, & Arifin	Jurnal	2021	Pelajar IPT menghadapi kekeliruan dalam memahami batas aurat; dipengaruhi media.
4	Musa & Razak	Jurnal	2022	Fesyen moden dan media sosial mempengaruhi cara pelajar Muslimah berpakaian.
5	Yusoff, Hamzah, & Ahmad	Jurnal	2023	Pemahaman aurat pelajar universiti masih rendah; kurang kesedaran terhadap hikmah.
6	Tafsir al-Quran dan hadis-hadis sahih	Kitab utama	Sepanjang zaman	Menjelaskan hukum menutup aurat secara tegas sebagai perintah syariat dan taqwa.
7	Al-Qaradawi, Yusuf – al-Halal wa al-Haram fi al-Islam	Buku	Terbitan klasik	Menegaskan pentingnya pakaian sebagai lambang iman dan maruah wanita Muslim.
8	Abu Syuqqah – Tahrir al-Mar’ah fi Asr al-Risalah	Buku	Terbitan klasik	Menyokong hak dan kewajipan wanita Muslim dalam batasan aurat yang syarie.

Sumber: Penulis

#### **Konsep dan Definisi Aurat**

Konsep aurat dalam Islam merujuk kepada bahagian tubuh seseorang yang wajib ditutup daripada pandangan orang lain yang bukan mahram sebagai tanda peliharaan maruah dan ketataan kepada perintah Allah. Dari sudut bahasa, perkataan *aurat* berasal daripada bahasa Arab yang membawa maksud sesuatu yang memalukan atau perlu dilindungi.

Imam al-Nawawi (w. 676H), seorang ulama besar dalam mazhab Syafi'e, menyatakan bahawa aurat ialah "segala bahagian tubuh yang wajib ditutup dan haram dilihat oleh orang yang tidak dibenarkan syarak." Imam al-Qurtubi dalam *Tafsir al-Qurtubi* mentakrifkan aurat sebagai "anggota yang wajib ditutup kerana ia mendatangkan rasa malu jika didedahkan, dan mendedahkannya adalah satu bentuk pelanggaran terhadap maruah." Ibn Qudamah dalam *al-Mughni* pula menjelaskan bahawa aurat adalah bahagian tubuh yang apabila terbuka akan mendatangkan malu dan haram dilihat oleh bukan mahram. Imam al-Ghazali pula dalam *Ihya' Ulum al-Din* menekankan bahawa penutupan aurat adalah sebahagian daripada adab menjaga kehormatan diri dan lambang ketakwaan kepada Allah.

Selain itu, Syeikh Wahbah al-Zuhaili (1995) menyatakan bahawa aurat merupakan bahagian tubuh yang tidak boleh dilihat oleh orang lain berdasarkan dalil al-Quran dan sunnah, serta menjadi asas kepada etika berpakaian dalam Islam. Menurut beliau lagi, batas aurat berbeza mengikut jantina, keadaan dan konteks seperti ketika solat, di hadapan mahram, atau di khalayak awam, namun tetap berlandaskan prinsip menjaga maruah dan kesopanan.

Menurut Kamus Dewan (2017), aurat bermaksud bahagian tubuh yang tidak boleh didedahkan dan wajib ditutup mengikut ajaran Islam. Islam telah menetapkan garis panduan yang jelas mengenai batasan aurat bagi lelaki dan perempuan. Lelaki diwajibkan menutup tubuhnya dari pusat hingga ke lutut, manakala perempuan pula diwajibkan menutup seluruh tubuh kecuali muka dan tangan (Rokiah Ahmad, 2014).

Dalam konteks syariat Islam, aurat ditetapkan berdasarkan ketentuan al-Quran dan hadis, serta diperjelaskan oleh para ulama bagi memastikan umat Islam memahami batasan dan kewajipannya. Antara dalil utama yang menjadi asas kewajipan menutup aurat ialah firman Allah SWT dalam Surah An-Nur, ayat 31:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ حُمْرَهُنَّ عَلَى جُبُونِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ ءَابَاءِهِنَّ أَوْ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَاءِهِنَّ أَوْ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ إِخْوَنِهِنَّ أَوْ بَيْنَ إِخْوَنِهِنَّ أَوْ نِسَاءِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكَتْ أَيْمَنُهُنَّ أَوْ الْتَّعِينَ عَيْرِ بُعْوَلَتِهِنَّ أَوْ أَلْزَبِيَةِ مِنْ الْرِّجَالِ أَوْ الْطِّفَلِ الَّذِينَ مَمْظُهُرُوا عَلَى عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيُعْلَمَ مَا يُخْفِيَنَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَثُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَئِمَّةُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

" Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya mereka menundukkan sebahagian pandangan mereka dan memelihara kemaluhan mereka, dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali yang (biasa) terlihat daripadanya, dan hendaklah mereka menutupkan kain tudung ke dada mereka. Dan janganlah mereka menampakkan perhiasan mereka kecuali kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau bapa mertua mereka, atau anak-anak mereka, atau anak-anak suami mereka, atau saudara-saudara lelaki mereka, atau anak-anak saudara lelaki mereka, atau anak-anak saudara perempuan mereka, atau perempuan-perempuan (Islam), atau hamba sahaya yang mereka miliki, atau pelayan lelaki yang tidak mempunyai keinginan (terhadap perempuan), atau kanak-kanak yang belum mengerti tentang aurat perempuan. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka agar diketahui perhiasan yang mereka sembunyikan. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, agar kamu beroleh kejayaan."

(al-Nur 24 : 31)

Ayat ini menunjukkan kewajipan bagi wanita Muslimah menutup aurat dengan menundukkan pandangan dan mengenakan pakaian yang sopan serta longgar. Bagi lelaki pula, menurut mazhab Hanafi, aurat lelaki adalah dibawah pusat hingga dibawah lutut (Wahbah al-Zuhaili, 1995). Menurut Zulkifli Mohamad al-Bakri (2023), adapaun terdapat jumur ulama meyakini bahawa peha lelaki sepatutnya dianggap sebagai aurat, kerana menurut pandangan mereka, bahagian antara pusat dan lutut dianggap sebagai aurat. Namun, mazhab Maliki berpendapat sebaliknya yakni dianggap bahawa peha bukanlah aurat. Nabi SAW bersabda:

حَدَّثَنَا الْحَسَنُ بْنُ عَلَيٍّ الْخَلَّالُ، حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَاقِ، أَخْبَرَنَا مَعْمَرٌ، عَنْ أَبِي الرِّنَادِ، أَخْبَرَنِي أَبُو جَرْهَدٍ، عَنْ أَبِيهِ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ بِهِ وَهُوَ كَاشِفٌ عَنْ فَخِذِهِ فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "عَطِّ فَخِذَكَ فِي هَذَا مِنَ الْعَوْرَةِ"

Al-Hasan bin Ali Al-Khalal memberitahu kami, Abdul Razzaq memberitahu kami, Muammar memberitahu kami, dari Abu Al-Zannad, Ibn Jarhad memberitahuku, dari bapanya, bahawa Nabi saw. Dia melewatinya ketika dia memperlihatkan pahanya, dan Nabi s.a.w. bersabda, "Tutuplah pahamu, kerana ia adalah sebahagian daripada aurat."

(Hadis Riwayat al-Tirmizi, 2798)

Mazhab Maliki, Zahiri, dan satu pandangan dari Imam Ahmad berpendapat bahawa peha lelaki tidak termasuk dalam kategori aurat. Pandangan ini menekankan bahawa menurut pandangan mazhab Maliki, Zahiri, dan Imam Ahmad tersebut, peha lelaki bukanlah sesuatu yang perlu ditutupi atau dianggap sebagai aurat. Ini menunjukkan perbezaan pendapat di kalangan fuqaha mengenai status aurat peha untuk lelaki.

Walaupun dalam mazhab Syafi'e, lutut dan pusat tidak dianggap sebagai aurat, namun para ulama menegaskan bahawa kedua-dua bahagian tersebut masih wajib ditutup. Hal ini berdasarkan prinsip kaedah: *إِنَّمَا لَا يُبَيِّنُ الْوَاجِبُ إِلَّا بِهِ فَهُوَ وَاجِبٌ* yang bermaksud "Jika suatu perkara yang wajib tidak sempurna melainkan dengan perkara yang lain, maka perkara yang lain itu turut menjadi wajib." Dalam hal ini, walaupun pusat dan lutut bukan aurat, namun untuk menyempurnakan kewajiban menutup aurat, di antara pusat dan lutut juga harus ditutup. Ini mencerminkan pentingnya memahami prinsip-prinsip fiqh yang melibatkan aspek kesempurnaan pelaksanaan kewajiban dalam ibadah dan pemakaian pakaian.

Apabila dilihat pandangan mazhab-mazhab dalam isu ini, mazhab Hanafi berpendapat bahawa yang terletak di antara pusat dan lutut adalah kawasan aurat. Mereka memandang lutut sebagai aurat, sementara pusat dianggap tidak. Sebaliknya, mazhab Syafi'e dan Hanbali berpendapat bahawa kawasan antara pusat dan lutut adalah aurat, manakala pusat dan lutut itu sendiri tidak dianggap sebagai aurat. Pandangan ini juga diperkuat oleh teguran Nabi SAW terhadap Jarhad, di mana peha beliau terselak semasa dalam keadaan solat. Ulama bersepakat bahawa kedua-dua kemaluan adalah aurat, dan pusat bukanlah aurat. Aurat bagi orang lelaki ialah apa yang terdapat antara pusat dan lutut.

Kesimpulannya, di Malaysia, pandangan yang digunakan secara meluas ialah mazhab Syafi'e, yang menetapkan bahawa aurat lelaki adalah antara pusat dan lutut, manakala aurat wanita adalah seluruh tubuh kecuali muka dan tangan. Oleh itu, pemahaman dan amalan mengenai aurat di negara ini seharusnya berlandaskan kepada panduan mazhab Syafi'e agar selari dengan pegangan rasmi dan tuntutan syariah di Malaysia.

### **Kewajipan Menutup Aurat dalam Al-Quran dan As-Sunnah**

Al-Quran merupakan sumber utama sebelum As-Sunnah untuk mengenali hukum dan panduan Islam yang berkaitan pelbagai bidang seperti akidah, ibadah, akhlak dan lain-lain. Terdapat beberapa dalil Al-Quran yang menyatakan kewajipan menutup aurat, antaranya adalah:

وَقَرَنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَلَا تَبَرَّجْ أَجْهَلِيَّةً الْأُولَى وَأَقْمَنَ الْصَّلَوةَ وَءَاتَيْنَ الْرِّكْوَةَ وَأَطْعَنَنَ الْلَّهَ وَرَسُولَهُ، إِنَّمَا  
 يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الْجُنُسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرُكُمْ شَطَّهِيرًا

Maksudnya : "Dan hendaklah kamu tetap diam di rumah kamu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh orang-orang Jahiliyah zaman dahulu; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya

itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan diri kamu - wahai "AhlulBait" dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara yang keji)."

(al-Ahzab 33: 33)

K.H.E. Abdurrahman (1990) menyatakan bahwa cara berpakaian seseorang akan memberi kesan terutamanya jika pemakaianya buruk atau tidak menutup aurat. Hal ini kerana pandangan antara lelaki dan perempuan yang boleh jatuh fitnah seperti memandang dengan nafsu syahwat, maka adalah haram. Allah SWT ada menyatakan batas aurat perempuan :

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَعْضُضْنَ مِنْ أَبْصَرِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلَيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُبُونِهِنَّ وَلَا يُبَدِّلْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِيَعْوَلْتَهُنَّ أَوْ ءَابَاءَهُنَّ أَوْ أَبْنَاهُنَّ أَوْ أَبْنَاءَهُنَّ أَوْ بَعْوَلَتَهُنَّ أَوْ بَعْوَلَتِهِنَّ أَوْ بَيْتِ إِحْوَانِهِنَّ أَوْ بَيْتِ أَخْوَانِهِنَّ أَوْ نِسَائِهِنَّ أَوْ مَا مَلَكْتُ أَيْمَنَهُنَّ أَوْ الْتَّبِعَيْنَ عَيْرَ أُولَئِكَةِ مِنَ الرِّجَالِ أَوِ الْطِّفَلِ أَلَّذِينَ لَمْ يَظْهِرُوا عَلَى عَوْرَتِ النِّسَاءِ وَلَا يَضْرِبْنَ بِأَرْجُلِهِنَّ لِيَعْلَمَ مَا يُخْفِيْنَ مِنْ زِينَتِهِنَّ وَثُوبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهَا الْمُؤْمِنَاتُ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya : "Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram), dan memelihara kehormatan mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya; dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka; dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka, atau anak-anak tiri mereka, atau saudara-saudara mereka, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang lelaki, atau anak bagi saudara-saudara mereka yang perempuan, atau perempuan-perempuan Islam, atau hamba-hamba mereka, atau orang gaji dari orang-orang lelaki yang telah tua dan tidak berkeinginan kepada perempuan, atau kanak-kanak yang belum mengerti lagi tentang aurat perempuan; dan janganlah mereka menghentakkan kaki untuk diketahui orang akan apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka; dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah, wahai orang-orang yang beriman, supaya kamu berjaya".

(al-Nur 24 : 31)

Seterusnya Allah SWT juga ada menceritakan perintah untuk menutup rambut dan seluruh badan bagi perempuan :

يَا أَيُّهَا النَّبِيُّ قُل لَا زَوْجَكَ وَبَنَاتِكَ وَنِسَاءَ الْمُؤْمِنِينَ يُدْنِينَ عَلَيْهِنَّ مِنْ جَلَبِيهِنَّ ذَلِكَ أَدْنَى أَنْ يُعْرَفَنَ فَلَا يُؤَذِّنَ وَكَانَ اللَّهُ غَفُورًا رَّحِيمًا

Maksudnya : "Wahai Nabi, suruhlah isteri-isterimu dan anak-anak perempuanmu serta perempuan-perempuan yang beriman, supaya melabuhkan pakaianya bagi menutup seluruh tubuhnya (semasa mereka keluar); cara yang demikian lebih sesuai untuk mereka dikenal (sebagai perempuan yang baik-baik) maka dengan itu mereka tidak diganggu. Dan (ingatlah) Allah adalah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

(al-Ahzab 33 : 59)

Walaupun didalam ayat tersebut khas disebut isteri-isteri Nabi, namun ia meliputi seluruh kaum perempuan sehingga masa kini. Begitu juga ada perintah yang jelas untuk menutup aurat, masih ada kaum perempuan yang tidak tutup aurat malah makin berani untuk menunjuk-nunjuk bahagian yang sensitif. (Che Zainon Yusof, 1995)

Terdapat beberapa dalil as-Sunnah juga yang menyatakan kewajipan menutup aurat, antaranya adalah hadis yang diriwayatkan oleh Bahz bin Hakim daripada bapanya dan daripada datuknya, maksudnya :

حَدَّثَنَا عَبْدُ اللَّهِ بْنُ مَسْلَمَةَ، حَدَّثَنَا أَبْيَ حَ، وَحَدَّثَنَا أَبْنُ بَشَّارٍ، حَدَّثَنَا يَحْيَى، لَخْوُهُ عَنْ بَهْرَ بْنِ حَكَمٍ،  
 عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ عَوْرَاتُنَا مَا تَأْتِي مِنْهَا وَمَا نَذَرُ قَالَ " احْفَظْ عَوْرَاتَكَ إِلَّا مِنْ  
 زَوْجِتَكَ أَوْ مَا مَلَكْتَ يَمْنَنَكَ " . قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِذَا كَانَ الْقَوْمُ بَعْضُهُمْ فِي بَعْضٍ قَالَ " إِنْ  
 اسْتَطَعْتَ أَنْ لَا يَرَيْنَهَا أَحَدٌ فَلَا يَرَيْنَهَا " . قَالَ قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِذَا كَانَ أَحَدُنَا خَالِيًّا قَالَ " اللَّهُ  
 أَحَقُّ أَنْ يُسْتَحْيِي مِنْهُ مِنَ النَّاسِ "

"Dia berkata : "Saya bertanya : "Wahai Rasulullah! (kepada siapakah) dari aurat kami boleh kami perlihatkan dan (kepada siapa) kami hindarkan?" Rasulullah SAW bersabda : "Peliharalah aurat kamu melainkan dari isteri kamu atau hamba sahaya Perempuan kamu". Dia berkata : "Saya bertanya : "Wahai Rasulullah! Bagaimana pula jika ada orang-orang berhimpun sebahagiannya dengan sebahagian yang lain?" Rasulullah SAW bersabda : "Jika kamu berdaya agar jangan dilihat aurat kamu oleh seseorang, maka janganlah dia melihat aurat kamu". Dia berkata : "Saya bertanya : "Bagaimana pula jika seseorang itu bersendiriran?" Rasulullah SAW bersabda : "Allah itu lebih berhak dimalukan daripada memalui manusia". (Riwayat Abu Daud, 4017)

Muslim dan Ahmad meriwayatkan tentang azab kepada golongan yang tidak menjaga aurat daripada Abu Hurairah R.A. katanya Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : "صِنْفانِ مِنْ أَهْلِ النَّارِ لَمْ أَرْهَا : قَوْمٌ مَعْهُمْ سِيَاطٌ كَأَذْنَابِ الْبَقَرِ  
 يَضْرِبُونَ بِهَا النَّاسَ ، وَنِسَاءٌ كَاسِيَاتٌ عَارِيَاتٌ مَيْلَاتٌ ، رَعُوسُهُنَّ كَأَسْنَمَةِ الْبَحْتِ الْمَائِلَةِ لَا  
 يَدْخُلُنَّ الْجَنَّةَ ، وَلَا يَجِدُنَّ رِيحَهَا ، وَإِنْ رِيحَهَا لَيَوْجَدُ مِنْ مَسِيرَةِ كَذَا وَكَذَا "

"Dua macam penghuni neraka yang tidak pernah aku melihatnya : satu kaum yang mempunyai cemeti-cemeti seperti ekor-ekor lembu, mereka memukul manusia dengannya dan perempuan-perempuan yang berpakaian tetapi bertelanjang, mereka menyimpang dari ketataan kepada Allah dan mengajar orang lain supaya menyimpang seperti dia, rambutnya sebesar punuk unta. Mereka ini tidak akan masuk syurga, dan tidak akan mencium bau syurga, padahal bau syurga itu tercipta sejauh perjalanan demikian dan demikian.".

(Riwayat Muslim, 1633)

Menurut K.H.E. Abdurrahman (1990), perempuan yang berada di luar rumah seharusnya memakai pakaian yang mampu menutup auratnya, kecuali bahagian wajah dan ujung tangan (telapak tangan). Sebagaimana hadis ketika Rasulullah SAW melihat seorang perempuan

bernama Asma' memakai tipis. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud :

حَدَّثَنَا يَعْقُوبُ بْنُ كَعْبِ الْأَنْطَاكِيُّ، وَمُؤْمَلُ بْنُ الْفَضْلِ الْحَرَائِيُّ، قَالَا حَدَّثَنَا الْوَلِيدُ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ بَشِيرٍ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ خَالِدٍ، - قَالَ يَعْقُوبُ بْنُ ذُرَيْلٍ - عَنْ عَائِشَةَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ اسْمَاءَ بِنْتَ أَبِي بَكْرٍ، دَخَلَتْ عَلَى رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَعَلَيْهَا ثِيَابٌ رِّفَاقٌ فَأَعْرَضَ عَنْهَا رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَقَالَ " يَا اسْمَاءُ إِنَّ الْمَرْأَةَ إِذَا بَلَغَتِ الْمَحِيضَ لَمْ تَصْلُحْ أَنْ يُرَى مِنْهَا إِلَّا هَذَا وَهَذَا " . وَأَشَارَ إِلَى وَجْهِهِ وَكَفَيْهِ .

Asma binti Abu Bakar menemui Rasulullah dengan memakai pakaian yang tipis. Rasulullah mengalihkan perhatiannya darinya. Baginda bersabda: "Wahai Asma', apabila seorang wanita telah mencapai umur haid, tidak patut baginya menampakkan anggota badannya kecuali ini dan ini, dan dia menunjukkan muka dan tangannya.

(Hadis Riwayat Abu Daud, 4104)

Rasulullah SAW bersabda:

حَدَّثَنَا عُثْمَانُ بْنُ أَبِي شَيْبَةَ، حَدَّثَنَا يَزِيدُ بْنُ هَارُونَ، أَخْبَرَنَا حَمَادُ بْنُ سَلَمَةَ، عَنْ حَمَادٍ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنِ الْأَسْوَدِ، عَنْ عَائِشَةَ، رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ " رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَلَاثَةِ عَنِ النَّائِمِ حَتَّى يَسْتَيقِظَ وَعَنِ الْمُبْتَدَى حَتَّى يَرَأً وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّى يَكُبَرَ "

*Othman bin Abi Syaibah memberitahu kami, Yazid bin Harun memberitahu kami, Hammad bin Salamah memberitahu kami, dari Hammad, dari Ibrahim, dari Al-Aswad, dari Aisyah, semoga Allah meridhainya. beliau, bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Kalam diangkat dari orang yang tidur tiga kali sehingga dia bangun." "Dan untuk orang yang ditimpa musibah sehingga dia sembuh, dan seterusnya. bagi pihak anak itu sehingga dia dewasa."*

(Riwayat Abu Daud, 4398)

Dalam hadis lain:

حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ يَحْيَى، حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ، وَأَبُو النُّعْمَانِ، قَالَا حَدَّثَنَا حَمَادُ بْنُ سَلَمَةَ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ مُحَمَّدِ بْنِ سِيرِينَ، عَنْ صَفِيَّةِ بِنْتِ الْحَارِثِ، عَنْ عَائِشَةَ، عَنِ النَّبِيِّ . صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ . قَالَ " لَا يَقْبِلُ اللَّهُ صَلَاتَةَ حَائِضٍ إِلَّا بِخِمَارٍ "

Maksudnya : Muhammad bin Yahya memberitahu kami, Abu Al-Walid dan Abu Al-Numan memberitahu kami, mereka berkata Hammad bin Salamah memberitahu kami, atas kuasa Qatada, atas kuasa Muhammad bin Sirin, dari Safi binti Al-Harith, Dari Aisyah RA, Rasulullah SAW bersabda: "Sesungguhnya Allah tidak menerima solat wanita yang sedang haid, kecuali jika ia bertudung."

(Riwayat Ibn Majah, 655)

## Hikmah Menutup Aurat

Menutup aurat bukan sahaja merupakan kewajipan dalam agama Islam, tetapi juga mengandungi hikmah yang sangat besar yang memberi kesan positif kepada individu dan masyarakat.

### Maruah Dan Kehormatan Diri

Salah satu hikmah yang paling utama adalah untuk menjaga maruah dan kehormatan diri seseorang. Pakaian yang menepati syariat Islam berfungsi sebagai satu simbol penghormatan kepada diri sendiri dan orang lain. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Imam Al-Ghazali (1998) dan Muhammad at-Thahali ar-Roawi (2001), pakaian dalam Islam bukan sahaja bertujuan untuk menutup aurat, tetapi juga untuk berhias dalam bentuk yang sesuai dengan prinsip taqwa. Dalam Surah al-A'raf ayat 26, Allah SWT berfirman :

لَيْسَ إِذَا أَنْزَلْنَا عَلَيْكُمْ لِيَاسٍ أَيُّورِي سَوْءَاتُكُمْ وَرِيشٌ وَلِيَاسٌ أَنْتَقَوْيَ ذَلِكَ حَيْرٌ ذَلِكَ مِنْ  
إِيمَانِ اللَّهِ لَعَلَّهُمْ يَذَّكَّرُونَ

“Wahai anak-anak Adam! Sesungguhnya Kami telah menurunkan kepada kamu (bahan-bahan untuk) pakaian menutup aurat kamu, dan pakaian perhiasan; dan pakaian yang berupa taqwa itulah yang sebaik-baiknya.”

(al-A'raf 7: 26)

Ayat tersebut jelas menunjukkan bahawa pakaian yang menutup aurat dan memenuhi batas syariat merupakan bentuk penghormatan terhadap diri yang mencerminkan akhlak mulia seseorang individu.

### Mengelak Gangguan Sosial Dan Fitnah

Hikmah kedua yang penting adalah menutup aurat dapat mengelakkan gangguan sosial dan fitnah yang boleh timbul akibat pendedahan tubuh yang tidak sepatutnya. Menurut Abu Syuqqah (1995), pakaian bukan sekadar berfungsi untuk menutup tubuh, tetapi juga untuk menjaga diri daripada cuaca dan situasi yang boleh membawa kepada kemudarat, termasuk dari segi fitnah dan gangguan seksual. Dalam Islam, pakaian yang tidak menutup aurat dengan sempurna boleh menyebabkan perhatian yang tidak diingini dari orang lain, seterusnya boleh menarik niat yang buruk atau menggoda. Menutup aurat dengan cara yang sempurna adalah satu cara untuk menghindari kemungkinan terjadinya maksiat dalam masyarakat. Hal ini juga selari dengan pendapat Muhammad Abdul Wahab (Aminah Ali, 2005), yang menyatakan bahawa tubuh badan, gerak geri, dan suara perempuan mampu menimbulkan rangsangan kepada lelaki, walaupun mereka menutup tubuh mereka. Oleh itu, menjaga aurat menjadi salah satu cara untuk mengelakkan godaan yang boleh membawa kepada perzinaan atau kejahanan sosial yang lain.

### Mencegah Jenayah

Salah satu hikmah menutup aurat yang juga tidak boleh dipandang remeh adalah untuk mencegah jenayah seksual. Menurut Patah (2023), statistik yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan peningkatan kes jenayah seksual, yang mana sebahagian besar kes ini berkait rapat dengan pendedahan aurat yang tidak terkawal. Kes-kes seperti rogol, gangguan seksual, dan perzinaan sering kali berakar dari tindakan berpakaian yang tidak menepati batas syariat Islam. Dalam konteks ini, menutup aurat secara penuh adalah satu langkah pencegahan yang amat penting untuk melindungi diri daripada eksplorasi seksual.

Firman Allah SWT dalam Surah al-An'am ayat 15 turut menekankan larangan mendekati kejahatan zina:

قُلْ تَعَالَوْا أَتُلُّ مَا حَرَمَ رَبُّكُمْ عَلَيْكُمْ أَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِإِلَهَيْنِ إِحْسَنٍ أَلَا تَنْفَثُلُوا أُولَدَكُمْ مِنْ إِمْلَقٍ حَنْ حَنْ نَرْزُقُكُمْ وَإِيَاهُمْ لَوْلَا تَقْرِبُوا الْفَوْحَشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَنَ لَوْلَا تَنْفَثُلُوا لِنَفْسٍ أُلَّتِي حَرَمَ اللَّهُ إِلَّا بِالْحَقِيقَةِ ذَلِكُمْ وَصَنْكُمْ بِهِ لَعَلَّكُمْ تَعَقِّلُونَ

Maksudnya : "Katakanlah: "Marilah, supaya aku bacakan apa yang telah diharamkan oleh Tuhan kamu kepada kamu, iaitu janganlah kamu sekutukan dengan Allah sesuatupun; dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa; dan janganlah kamu membunuh anak-anak kamu kerana kepapaan, (sebenarnya) Kamilah yang memberi rezeki kepada kamu dan kepada mereka; dan janganlah kamu hampiri kejahanan-kejahanan (zina) - yang terang daripadanya dan yang tersembunyi; dan janganlah kamu membunuh jiwa yang telah diharamkan Allah (membunuhnya) melainkan dengan jalan yang hak (yang dibenarkan oleh Syarak). Dengan yang demikian itulah Allah perintahkan kamu, supaya kamu memahaminya."

(al-An'am 6: 151)

Ayat tersebut menunjukkan bahawa menjaga aurat bukan hanya berkaitan dengan menghormati diri tetapi juga sebagai langkah untuk menghindari perbuatan yang boleh merosakkan moral dan keharmonian masyarakat.

### Bukti Ketaatan Dan Keimanan Kepada Allah SWT

Selain daripada itu, menutup aurat juga merupakan bentuk ketaatan kepada Allah SWT dan menunjukkan keimanan seseorang kepada perintah agama. Rasulullah SAW dalam banyak hadis menekankan pentingnya menjaga aurat kerana ia adalah tanda seseorang Muslim yang benar-benar beriman kepada Allah. Dalam Surah at-Tin ayat 4, Allah SWT berfirman :

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَنَ فِي أَحْسَنِ تَفْوِيمٍ

Maksudnya : "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)."

(al-Tin 95: 4)

Manusia dijadikan dalam bentuk yang sempurna, dan oleh itu, sudah menjadi kewajipan untuk menjaga penampilan agar selaras dengan perintah agama. Dengan menutup aurat, seseorang itu bukan sahaja menjaga kehormatan diri tetapi juga menunjukkan ketaatan kepada Allah SWT yang akan mendatangkan ketenangan jiwa dan kedamaian dalam kehidupan sehari-hari.

### Kesejahteraan Sosial

Hikmah menutup aurat juga turut memberi impak positif terhadap keharmonian masyarakat. Pakaian yang menutup aurat dengan sempurna dapat mencipta suasana sosial yang lebih adil dan bermaruah di mana hubungan antara lelaki dan wanita lebih terjaga dan terhormat. Kehidupan masyarakat yang mengutamakan batasan aurat akan mengurangkan interaksi bebas yang boleh mencetuskan fitnah dan kerosakan sosial. Adi Hidayat (2022) juga menyatakan bahawa menjaga aurat bukan hanya memberi manfaat kepada individu tetapi juga kepada masyarakat secara keseluruhannya, kerana ia menyumbang kepada pencegahan zina dan

meningkatkan moral dalam kalangan masyarakat. Jika umat Islam benar-benar memahami hikmah di sebalik perintah menutup aurat, mereka akan lebih komited untuk mematuhiinya, kerana mereka sedar bahawa tindakan ini bukan sahaja mendatangkan manfaat di dunia tetapi juga ganjaran di akhirat.

Secara keseluruhannya, menutup aurat bukanlah sekadar memenuhi kewajipan agama tetapi ia juga merupakan satu bentuk perlindungan kepada diri, maruah dan kehormatan individu sekaligus mengelakkan berlakunya kerosakan sosial dan moral dalam masyarakat. Dengan memahami hikmah-hikmah ini, umat Islam akan lebih menyedari betapa pentingnya menjaga aurat sebagai sebahagian daripada ketaatan kepada Allah SWT yang akhirnya membawa kepada kehidupan yang lebih harmoni, aman dan diberkati.

### Perbandingan Dapatan Kajian Terdahulu

Berdasarkan sorotan terhadap beberapa kajian lepas, didapati wujud persamaan dan perbezaan yang menarik berkaitan tahap pemahaman, amalan dan cabaran menutup aurat dalam kalangan masyarakat khususnya pelajar IPT. Perbandingan berikut dirumuskan bagi menonjolkan dapatan utama serta jurang yang masih belum diterokai sepenuhnya. Kebanyakan kajian menunjukkan bahawa isu penutupan aurat dalam kalangan pelajar universiti berlaku secara luaran tanpa kefahaman mendalam terhadap maksud dan hikmahnya. Kajian Aminah Ali (2005) dan Asmawati et al. (2013) misalnya, menunjukkan bahawa pelajar wanita cenderung menutup aurat kerana tekanan sosial atau keperluan majlis rasmi. Kajian oleh Mohd Nor et al. (2021) dan Yusoff et al. (2023) pula menekankan bahawa pendidikan agama yang lemah dan kurangnya penghayatan spiritual menyumbang kepada kelonggaran dalam amalan menutup aurat. Sementara itu, Musa dan Razak (2022) menegaskan bahawa pengaruh budaya popular dan media sosial menjadi faktor dominan dalam mencorakkan gaya pemakaian pelajar wanita masa kini, sekaligus mengaburkan pemahaman sebenar tentang aurat menurut Islam. Maka jelas bahawa wujud jurang antara pengetahuan hukum, pengaruh semasa dan penghayatan hikmah yang perlu diisi oleh kajian ini.

### Kesimpulan

Menutup aurat merupakan salah satu perintah utama dalam Islam yang merangkumi aspek akidah, syariat dan akhlak. Ia bukan sekadar soal pemakaian tetapi mencerminkan nilai-nilai Islam yang mendalam seperti kesopanan, maruah, kehormatan dan ketaatan kepada Allah SWT. Kajian ini telah menunjukkan bahawa kefahaman terhadap kewajipan menutup aurat dalam kalangan umat Islam, khususnya pelajar universiti, masih berada pada tahap yang membimbangkan. Walaupun ramai yang menyedari tentang hukum menutup aurat, amalan sebenar masih jauh daripada ideal syariat apabila terdapat segelintir yang menutup aurat hanya sebagai satu gaya atau untuk memenuhi tuntutan sosial tertentu, bukan sebagai tanda pengabdian kepada Allah.

Dalam dunia yang semakin mencabar dengan arus globalisasi, budaya barat dan media sosial yang tidak terbatas, umat Islam, khususnya generasi muda, terdedah kepada gaya hidup yang mengabaikan batas-batas aurat. Trend fesyen moden yang menekankan penampilan dan gaya hidup liberal telah mengaburi nilai-nilai keislaman dalam berpakaian. Fenomena pemakaian pakaian ketat, jarang dan menjolok mata walaupun bertudung menjadi bukti bahawa wujudnya kekeliruan dan kejahilan dalam memahami tuntutan menutup aurat. Lebih membimbangkan lagi apabila kegagalan menjaga aurat bukan sahaja memberi kesan kepada individu, malah turut membawa kesan negatif kepada masyarakat secara keseluruhan, termasuk peningkatan kes gangguan seksual, zina, pergaulan bebas serta keruntuhan nilai moral dan institusi keluarga.

Hikmah menutup aurat seperti yang telah dibincangkan dalam kajian ini menunjukkan bahawa ia bukan sekadar suruhan agama yang mesti dipatuhi secara literal, tetapi juga memainkan peranan penting dalam pembentukan peribadi Muslim, pembinaan masyarakat berakhhlak serta pencegahan terhadap pelbagai bentuk jenayah dan maksiat. Aurat adalah maruah dan menjaga aurat bererti menjaga diri daripada kehinaan, menjauhkan diri daripada menjadi bahan fitnah dan tarikan syahwat. Ia juga mendidik umat Islam agar memiliki sifat malu yang merupakan sebahagian daripada iman serta membantu memelihara hubungan sosial yang sihat dan terhormat antara lelaki dan wanita.

Sehubungan itu, kesedaran dan pendidikan tentang kewajipan menutup aurat perlu diperkuuh melalui pelbagai saluran seperti institusi pendidikan, media massa, institusi keluarga dan program-program dakwah. Golongan pendidik, ibu bapa dan pemimpin masyarakat perlu memainkan peranan aktif dalam mendidik dan memberi kefahaman kepada generasi muda tentang hikmah menutup aurat dari sudut agama, sosial dan moral. Kajian ini menyarankan agar pendidikan Islam yang berteraskan nilai dan hikmah diberi penekanan yang lebih mendalam, agar generasi muda bukan sahaja mengetahui hukum-hakam tetapi juga menghayati makna dan falsafah di sebalik tuntutan tersebut.

Akhirnya, menutup aurat bukan sekadar kewajipan individu tetapi tanggungjawab bersama dalam membina masyarakat Muslim yang dihormati dan diredayai Allah SWT. Sekiranya umat Islam kembali mengamalkan perintah menutup aurat dengan penuh kesedaran dan penghayatan, nescaya akan lahirlah sebuah masyarakat yang berakhhlak tinggi, sejahtera dan terlindung daripada kerosakan akhlak serta maksiat yang semakin membarah.

## **References**

- Abu Syuqqah. (1995). Busana dan perhiasan wanita menurut Al-Quran dan Hadis. Jakarta: Al Bayan.
- Adi Hidayat Official. (2022, November 8). Hukum dan Hikmah Menutup Aurat - Ustadz Adi Hidayat [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=p3lZ2znR4QY>
- Al Ghazali. (1998). Halal dan haram dalam Islam. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Al-Bakri, Z. M. (2023, May 22). #1591: Pusat lelaki adalah aurat? Maktabah Al Bakri. <https://maktabahalbakri.com/1591-pusat-lelaki-adalah-aurat/>
- Al-Ghazali, A. H. M. M. (n.d.). Ihya' Ulum al-Din [The Revival of the Religious Sciences]. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Nawawi, Y. S. (2005). Al-Majmu' Syarh al-Muhadhdhab (Vol. 3). Beirut: Dar al-Fikr.
- Al-Qurtubi, M. A. (2006). Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an [The Compendium of Quranic Rulings]. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Ibn Qudamah, A. M. A. (1997). Al-Mughni (Vols. 1–15). Beirut: Dar al-Fikr.
- Che Zainon Yusof. (1995). Penyelewengan wanita menurut pandangan Islam. Selangor: Pustaka Ilmi.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2017). Kamus Dewan (Edisi keempat). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- كتاب الأدب عن رسول الله - Rasulullah SAW. (n.d.). Jami' at-Tirmidhi 2798 - Chapters on Manners - صلی اللہ علیہ وسلم. Sunnah.com. Retrieved May 6, 2025, from <https://sunnah.com/tirmidhi:2798>
- K.H.E. Abdurrahman. (1990). Risalah Wanita. Selangor Darul Ehsan: Klang Book Centre.
- Mohd Nor, M. H., Ibrahim, R., & Arifin, N. M. (2021). Cabaran pemakaian menutup aurat dalam kalangan pelajar IPT: Satu sorotan literatur. Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari, 15(3), 123–133.

- Muhammad At Thahali Ar Roawi. (2001). *Rezeki halal dan haram: Pengertian dan tuntutan*. Kuala Lumpur: Pustaka Syuhada.
- Musa, N. H., & Razak, S. A. (2022). Influence of modern fashion on Muslim women's dress code in Malaysia. *International Journal of Islamic Thought*, 21(1), 55–64.
- Patah, F. M. A. (2023, November 2). Kes jenayah seksual meningkat, rogol paling tinggi. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1172205/kes-jenayah-seksual-meningkat-rogol-paling-tinggi>
- Aminah Ali. (2005). Persepsi pelajar terhadap kewajipan menutup aurat [Master's thesis, Universiti Teknologi Malaysia]. Universiti Teknologi Malaysia Institutional Repository.
- Rokiah Ahmad. (2004). Mengapa aurat haram didedah: Satu realiti masa kini. Kuala Lumpur: Pustaka Hj. Abd. Majid.
- كتاب بدع الخلق. Rasulullah SAW. (n.d.). Sahih al-Bukhari 3241 – Beginning of Creation – Sunnah.com. Retrieved May 6, 2025, from <https://sunnah.com/bukhari:3241>
- كتاب الوصيّة - Sahih Muslim. (n.d.). The Book of Wills - Sunnah.com. Retrieved May 6, 2025, from <https://sunnah.com/muslim:1633>
- Suhid, A. M. Z., Mohd Faizal, Ahmad, A. M., & Che Noh, M. A. (2013). Tahap pengetahuan pelajar tentang konsep menutup aurat: Suatu tinjauan umum. *Online Journal of Islamic Education*, 1(1), 40–47.
- كتاب الحمام - Sunan Abi Dawud 4017 - Hot Baths (Kitab Al-Hammam) - Sunnah.com. Retrieved May 6, 2025, from <https://sunnah.com/abudawud:4017>
- كتاب اللباس - Sunan Abi Dawud 4104 - Clothing (Kitab Al-Libas) - Sunnah.com. Retrieved May 6, 2025, from <https://sunnah.com/abudawud:4104>
- كتاب الحدود - Sunan Abi Dawud 4398 - Prescribed Punishments (Kitab Al-Hudud) - Sunnah.com. Retrieved May 6, 2025, from <https://sunnah.com/abudawud:4398>
- كتاب الطهارة وسنها - Sunan Ibn Majah 655 - The Book of Purification and its Sunnah (n.d.). Sunnah.com. Retrieved May 6, 2025, from <https://sunnah.com/ibnmajah:655>
- Wahbah Al-Zuhaili. (1995). *Fiqh & perundangan Islam* (Jilid 1). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Yusoff, M. S., Hamzah, A., & Ahmad, R. (2023). Understanding religious compliance among youths: A study on modesty and dress ethics. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 5(2), 88–101